



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

**PRESTASI SEKTOR PERKHIDMATAN DAN
PENDAPATAN E-DAGANG, SUKU TAHUN PERTAMA 2026**

Sektor Perkhidmatan Malaysia meningkat 8.1 peratus kepada RM682.0 bilion pada suku pertama 2026, didorong perbelanjaan pengguna yang mampan dan pengembangan ekonomi digital

PUTRAJAYA, 11 MEI 2026 – Sektor Perkhidmatan mencatatkan **pertumbuhan sebanyak 8.1 peratus tahun ke tahun** pada suku tahun pertama 2026 dengan **hasil mencecah RM682.0 bilion**, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dalam penerbitan **Perangkaan Perkhidmatan Suku Tahunan, Suku Tahun Pertama 2026** yang disiarkan hari ini. Sektor Perkhidmatan merangkumi pelbagai aktiviti termasuk Perdagangan Borong & Runcit; Maklumat & Komunikasi; Pengangkutan & Penyimpanan; Penginapan; Makanan & Minuman; Perkhidmatan Profesional; Hartanah; Kesihatan Swasta; Pendidikan Swasta; Kesenian, Hiburan & Rekreasi; Pentadbiran & Khidmat Sokongan; Perkhidmatan Persendirian & Lain-lain Aktiviti dan pendapatan e-dagang.

Sektor Perkhidmatan Malaysia berkembang sebanyak 8.1 peratus pada suku pertama 2026, mencerminkan pertumbuhan yang menyeluruh merentasi semua segmen sektor tersebut. Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata prestasi memberangsangkan ini didorong oleh aktiviti ekonomi domestik yang terus kukuh sepanjang suku tahun berkenaan. Perbelanjaan pengguna kekal berdaya tahan sempena sambutan Tahun Baharu Cina, Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri, manakala peningkatan pergerakan rakyat dalam negara, aktiviti pelancongan yang rancak serta penganjuran pelbagai acara dan festival di seluruh negara terus menyokong momentum pertumbuhan sektor Perkhidmatan.

Beliau turut menjelaskan bahawa peningkatan sumbangan aktiviti berkaitan digital, khususnya e-dagang dan perkhidmatan berasaskan teknologi, terus memperkukuhkan pertumbuhan sektor ini sejajar dengan peralihan Malaysia ke arah aktiviti ekonomi bernilai tambah tinggi dan berteraskan digital.

Antara segmen utama perkhidmatan, **Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan** merekodkan **pertumbuhan tertinggi sebanyak 7.7 peratus dengan hasil mencecah RM512.3 bilion** pada suku tahun tersebut. Prestasi kukuh ini didorong terutamanya oleh perbelanjaan isi rumah yang kekal stabil serta permintaan sempena musim perayaan, di samping peningkatan aktiviti perjalanan dan momentum pelancongan yang terus berkembang.

Peningkatan pendapatan turut menyumbang secara positif kepada perbelanjaan pengguna. Pelaksanaan pelarasan gaji di bawah Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) dan peningkatan gaji minimum kebangsaan telah membantu memperkukuh kuasa beli isi rumah, sekali gus meningkatkan perbelanjaan dalam perdagangan runcit, perkhidmatan makanan, penginapan dan perkhidmatan berkaitan pengangkutan.

Di samping itu, program bantuan seperti Sumbangan Asas Rahmah (SARA) dan Bantuan Khas Kewangan Hari Raya Aidilfitri turut memberikan sokongan tambahan kepada isi rumah, khususnya bagi perbelanjaan makanan, minuman dan barangan keperluan. Aktiviti sempena musim perayaan termasuk bazar Ramadan yang rancak di seluruh negara turut merangsang aktiviti pengguna dan perdagangan sepanjang suku tersebut. Aktiviti berkaitan pelancongan juga terus menyokong pertumbuhan sektor ini. Pelancaran kempen Tahun Melawat Malaysia 2026 turut memberi impak positif kepada subsektor penginapan apabila peningkatan ketibaan pelancong domestik dan antarabangsa sepanjang musim perayaan serta cuti umum mendorong permintaan lebih tinggi terhadap hotel dan perkhidmatan penginapan pada suku pertama 2026.

Segmen **Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan** terus mencatatkan pertumbuhan kukuh pada suku tahun pertama 2026 dengan **peningkatan sebanyak 9.5 peratus dan merekodkan hasil RM97.3 bilion**. Prestasi ini mencerminkan permintaan berterusan terhadap perkhidmatan ketersambungan digital, logistik dan pengangkutan sejajar dengan peningkatan aktiviti ekonomi domestik, mobiliti yang lebih kukuh dan pergerakan berkaitan pelancongan sepanjang suku tersebut.

Hasil subsektor Maklumat & Komunikasi meningkat sebanyak 8.7 peratus tahun ke tahun. Landskap digital Malaysia terus berkembang pesat dengan pengembangan pusat data berskala besar, didorong oleh peningkatan keperluan terhadap pengkomputeran awan, aplikasi kecerdasan buatan, sistem keselamatan siber dan infrastruktur digital berkapasiti tinggi. Pertumbuhan pusat data ini semakin mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai hab digital serantau, manakala peluasan teknologi 5G terus memperkukuh ketersambungan digital serta penyampaian perkhidmatan merentasi industri dan isi rumah.

Pada masa yang sama, industri komunikasi dan perkhidmatan digital terus mendapat manfaat daripada perubahan kecenderungan pengguna dan perniagaan ke arah platform dalam talian serta penyelesaian berasaskan digital. Walaupun sebahagian segmen hiburan dan media tradisional terus mengalami peralihan struktur, termasuk

penurunan operasi pawagam konvensional secara beransur-ansur susulan peningkatan penggunaan perkhidmatan penstriman, permintaan terhadap perkhidmatan internet, kandungan digital dan aktiviti berkaitan komunikasi terus menyokong pertumbuhan keseluruhan sektor pada suku tahun pertama 2026.

Sejajar dengan peningkatan aktiviti pelancongan dan permintaan domestik, subsektor Pengangkutan & Penyimpanan terus mengekalkan momentum positif dengan merekodkan pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 10.3 peratus pada suku tahun pertama 2026. Hasil yang lebih tinggi direkodkan dalam pengangkutan darat, perkhidmatan pos dan kurier dan pengangkutan udara yang masing-masing berkembang sebanyak 11.1 peratus, 11.8 peratus dan 12.0 peratus.

Prestasi ini turut didorong oleh pertumbuhan berterusan e-dagang serta peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan penghantaran ekspres, khususnya semasa musim perayaan dan cuti sekolah. Secara keseluruhan, trend ini mencerminkan peranan penting subsektor tersebut dalam memperkukuh kecekapan rantai bekalan serta menyokong keperluan ekonomi digital yang semakin berorientasikan pengguna.

Segmen **Perkhidmatan Profesional, Hartanah dan Pentadbiran & Khidmat Sokongan** merekodkan **pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 7.9 peratus**. Subsektor Perkhidmatan Profesional berkembang 7.3 peratus, disokong oleh permintaan berterusan terhadap perkhidmatan kejuruteraan, seni bina dan ukur bahan sejajar dengan projek pembangunan dan infrastruktur yang sedang dilaksanakan. Sementara itu, subsektor Hartanah turut merekodkan pertumbuhan sebanyak 7.3 peratus, didorong terutamanya oleh permintaan domestik yang berterusan serta pelbagai inisiatif kerajaan bagi meningkatkan kemampuan pemilikan rumah. Secara keseluruhan, faktor-faktor ini menyumbang kepada pasaran hartanah yang lebih aktif, sekali gus mencerminkan daya tahan ekonomi dan keyakinan pengguna yang stabil.

Subsektor Pentadbiran & Khidmat Sokongan pula mencatatkan pertumbuhan yang lebih kukuh sebanyak 9.7 peratus pada suku tahun pertama 2026, didorong oleh peningkatan aktiviti berkaitan perjalanan khususnya pertambahan perjalanan ibadah Umrah semasa musim puncak. Prestasi subsektor ini turut disokong oleh sentimen perniagaan yang bertambah baik dan langkah kerajaan terkini termasuk pengurangan kadar cukai perkhidmatan bagi aktiviti sewaan dan pajakan terpilih kepada antara 6 hingga 8 peratus yang membantu mengurangkan kos operasi dan seterusnya menggalakkan penggunaan lebih tinggi terhadap perkhidmatan pentadbiran dan khidmat sokongan berkaitan.

Segmen **Kesihatan Swasta, Pendidikan Swasta, Kesenian, Hiburan & Rekreasi dan Perkhidmatan Persendirian & Lain-lain Aktiviti** merekodkan **pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 11.2 peratus** pada suku tahun pertama 2026, disokong oleh peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan kesihatan dan pendidikan, di samping perbelanjaan pengguna yang lebih tinggi bagi aktiviti rekreasi dan penjagaan diri. Pertumbuhan ini didorong oleh perkembangan kukuh subsektor Perkhidmatan Persendirian & Lain-lain Aktiviti yang meningkat sebanyak 14.1 peratus, sejajar

dengan peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan berkaitan gaya hidup dan penjagaan diri, sekali gus mencerminkan perubahan kecenderungan pengguna ke arah kualiti hidup dan kesejahteraan yang lebih baik.

Subsektor Pendidikan Swasta berkembang sebanyak 10.1 peratus pada suku tahun pertama 2026, disokong oleh peningkatan enrolmen di institusi pengajian tinggi swasta dan permintaan berterusan terhadap program pembelajaran berasaskan kemahiran. Subsektor ini turut mendapat manfaat daripada inisiatif kerajaan terkini, khususnya pengecualian levi pendidikan selama setahun yang berkuat kuasa Januari 2026, melibatkan institusi daripada prasekolah hingga pusat pengajian tinggi dan latihan, yang membantu meningkatkan akses kepada pendidikan serta menyokong pertumbuhan perkhidmatan pendidikan swasta.

Sementara itu, subsektor Kesihatan Swasta mencatatkan pertumbuhan kukuh sebanyak 13.5 peratus pada suku tahun pertama 2026, mencerminkan permintaan berterusan terhadap perkhidmatan penjagaan kesihatan berkualiti, rawatan khusus dan aktiviti berkaitan kesejahteraan. Subsektor Kesenian, Hiburan & Rekreasi turut berkembang sebanyak 7.8 peratus, disokong oleh perbelanjaan pengguna yang stabil bagi aktiviti riadah, gaya hidup dan rekreasi seiring peningkatan pendapatan isi rumah dan mobiliti domestik yang lebih kukuh. Kesedaran yang semakin meningkat terhadap gaya hidup sihat dan trend kesejahteraan terus menggalakkan penyertaan dalam aktiviti kecergasan dan sukan seperti pickleball, larian, golf dan keahlian gimnasium, sekali gus menyumbang kepada prestasi positif subsektor tersebut pada suku berkenaan.

Dari segi perbandingan **suku tahunan**, sektor Perkhidmatan terus mengekalkan momentum dengan **peningkatan hasil sebanyak 0.6 peratus** berbanding suku tahun keempat 2025. Pertumbuhan ini didorong oleh segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan (0.4%), diikuti oleh segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan (1.6%); segmen Perkhidmatan Profesional, Hartanah dan Pentadbiran & Khidmat Sokongan (1.5%) dan segmen Kesihatan Swasta, Pendidikan Swasta, Kesenian, Hiburan & Rekreasi dan Perkhidmatan Persendirian & Lain-lain Aktiviti (0.1%).

Ketua Perangkawan Malaysia turut melaporkan bahawa **pendapatan e-Dagang** pada suku tahun pertama 2026 berjumlah **RM319.7 bilion**, mencatatkan pertumbuhan tahunan sebanyak **2.8 peratus**. Dari segi perbandingan suku tahunan, pendapatan e-Dagang meningkat sebanyak **1.1 peratus**.

Mengulas perkembangan pasaran buruh, Ketua Perangkawan memaklumkan bahawa **jumlah guna tenaga** dalam sektor Perkhidmatan meningkat kepada **4.6 juta orang**, dengan **pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 2.7 peratus**. Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh subsektor Pengangkutan & Penyimpanan yang meningkat sebanyak 4.4 peratus, diikuti oleh subsektor Perkhidmatan Persendirian & Lain-lain Aktiviti dengan pertumbuhan sebanyak 4.0 peratus. Berdasarkan perbandingan **suku tahunan**, guna tenaga **meningkat 0.4 peratus**, iaitu bersamaan dengan **pertambahan 19.9 ribu orang**.

Seiring dengan pertumbuhan guna tenaga, **jumlah gaji dan upah** dalam sektor Perkhidmatan turut meningkat. Pada suku tahun pertama 2026, gaji dan upah **meningkat sebanyak 5.0 peratus tahun ke tahun** kepada **RM35.3 bilion**, disokong terutamanya oleh subsektor Makanan & Minuman dan Hartanah, masing-masing mencatatkan pertumbuhan sebanyak 10.0 peratus dan 9.4 peratus. Dari segi perbandingan **suku tahunan**, jumlah gaji dan upah **meningkat sebanyak 0.9 peratus**.


Secara keseluruhan, **sektor Perkhidmatan terus mengekalkan momentum pertumbuhan positif pada suku tahun pertama 2026**, disokong oleh pengukuhan aktiviti ekonomi domestik, peningkatan pendapatan isi rumah, mobiliti pengguna yang lebih tinggi serta pengembangan berterusan dalam sektor pelancongan, logistik dan perkhidmatan berkaitan pengguna. Pertumbuhan ini turut diperkukuh oleh peningkatan aktiviti e-dagang, perkhidmatan digital dan perbelanjaan isi rumah yang stabil, sekali gus mencerminkan daya tahan sektor ini dalam mendepani persekitaran ekonomi yang dinamik.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.


Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Carta 1: Prestasi Sektor Perkhidmatan, ST1 2020–ST1 2026




Carta 2: Prestasi Segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan, ST1 2020–ST1 2026




Carta 3: Prestasi Segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan, ST1 2020–ST1 2026




Carta 4: Prestasi Segmen Profesional, Hartanah dan Pentadbiran & Khidmat Sokongan, ST1 2020–ST1 2026



Carta 5: Prestasi Segmen Kesihatan Swasta, Pendidikan Swasta, Kesenian, Hiburan & Rekreasi dan Perkhidmatan Persendirian dan Lain-lain Aktiviti, ST1 2020–ST1 2026



Carta 6: Pendapatan e-Dagang, ST1 2023–ST1 2026



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAWAN MALAYSIA
11 MEI 2026



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

PERFORMANCE OF SERVICES SECTOR AND E-COMMERCE INCOME, FIRST QUARTER 2026

**Malaysia's Services sector hits RM682.0 billion
in the first quarter of 2026, growing 8.1 per cent on
resilient consumption and digital growth**

PUTRAJAYA, 11TH MAY 2026 – The Services sector **expanded by 8.1 per cent year-on-year** in the first quarter of 2026, with **revenue reaching RM682.0 billion**, according to the Department of Statistics Malaysia (DOSM) in today's release of the *Quarterly Services Statistics, First Quarter 2026*. The Services sector comprises a broad range of activities, including Wholesale & Retail Trade; Information & Communication; Transportation & Storage; Accommodation; Food & Beverage; Professional Services; Real Estate; Private Healthcare; Private Education; Arts, Entertainment & Recreation; Administrative & Support Services; Personal & Other Services Activities; as well as e-commerce income.

Malaysia's Services sector grew by 8.1 per cent in the first quarter of 2026, reflecting broad-based expansion across all segments of the sector. Chief Statistician of Malaysia Mohd Uzir Mahidin highlighted that the encouraging performance was underpinned by continuous domestic economic activities throughout the quarter. Consumer spending remained resilient amid a festive-packed period covering Chinese New Year, Ramadan and Hari Raya Aidilfitri, while stronger domestic mobility, vibrant tourism activities as well as various events and festivals held nationwide further supported the sector's momentum.

He also highlighted the increasing contribution of digital-related activities, particularly e-commerce and technology-based services, which continued to reinforce the sector's expansion in line with Malaysia's ongoing transition towards higher value-added and digital-driven economic activities.

Among the major services segments, **Wholesale & Retail Trade, Food & Beverage, and Accommodation** recorded the **highest growth of 7.7 per cent**, with **revenue reaching RM512.3 billion** during the quarter. The strong performance was largely driven by steady household spending and festive-related demand, supported by higher travel activities and continued tourism momentum.

Improved income conditions also contributed positively to consumer spending. The implementation of the Public Service Remuneration System (SSPA) salary adjustment alongside the increase in the national minimum wage helped strengthen household purchasing power, leading to higher spending across retail trade, dining, accommodation and transportation-related services.

In addition, assistance programmes such as Sumbangan Asas Rahmah (SARA) and the Special Financial Aid for Hari Raya Aidilfitri provided additional support to households, particularly for spending on food, beverages and essential goods. Festive-related activities, including the vibrant Ramadan bazaars across the country, further stimulated consumer and trading activities during the quarter. Tourism-related activities also continued to lend support to the sector. The launch of the Visit Malaysia 2026 campaign contributed positively to the accommodation subsector, as stronger domestic and international tourist arrivals during the festive and holiday season translated into higher demand for hotels and accommodation services throughout the first quarter of 2026.

The **Information & Communication and Transportation & Storage** segment continued to register strong growth in the first quarter of 2026, **expanding by 9.5 per cent** to record **revenue of RM97.3 billion**. The performance reflected sustained demand for digital connectivity, logistics and transportation services amid improving domestic economic activities, stronger mobility and continued tourism-related movements during the quarter.

The Information & Communication subsector's revenue grew by 8.7 per cent year-on-year. Malaysia's digital landscape continued to gain momentum with the expansion of large-scale data centres, driven by rising requirements for cloud computing, artificial intelligence applications, cybersecurity systems and high-capacity digital infrastructure. The growing presence of data centres has increasingly positioned Malaysia as an emerging regional digital hub, while the wider rollout of 5G technology further strengthened digital connectivity and service delivery across industries and households.

At the same time, the communications and digital services industry continued to benefit from shifting consumer and business preferences towards online platforms and digital-based solutions. Although parts of the traditional entertainment and media segment continued to undergo structural transition, including the gradual decline of conventional cinema operations amid stronger streaming adoption, demand for internet services, digital content and communication-related activities remained supportive to the sector's overall growth in the first quarter of 2026.

Aligned with the increase in tourism activities and domestic demand, the Transportation & Storage subsector maintained its positive momentum, recording a year-on-year growth of 10.3 per cent in the first quarter of 2026. Higher revenue was recorded across land transport, postal and courier services and air transport, which grew by 11.1 per cent, 11.8 per cent and 12.0 per cent respectively.

This performance was further driven by continued growth in e-commerce as well as rising demand for express delivery services, particularly during festive seasons and school holidays. Overall, this trend reflects the important role of the subsector in strengthening supply chain efficiency and supporting the needs of a more consumer-oriented digital economy.

The **Professional Services, Real Estate, and Administrative & Support Services** segment recorded a **year-on-year growth of 7.9 per cent**. The Professional Services subsector expanded by 7.3 per cent, supported by sustained demand for engineering, architectural and surveying services, in line with ongoing development and infrastructure projects. Meanwhile, the Real Estate subsector also recorded growth of 7.3 per cent, driven mainly by continued domestic demand as well as various government initiatives aimed at improving housing affordability. Collectively, these factors contributed to a more active property market, reflecting broader economic resilience and stable consumer confidence.

The Administrative & Support Services subsector recorded a stronger growth of 9.7 per cent in the first quarter of 2026, driven by higher travel-related activities, particularly the increase in Umrah journeys during peak seasonal periods. The subsector's performance was further supported by improving business sentiment and recent government measures, including the reduction in service tax rates for selected rental and leasing activities to between 6 and 8 per cent, which helped ease operational costs and encourage greater utilisation of related administrative and support services.

The **Private Health, Private Education, Arts, Entertainment & Recreation, and Personal & Other Services Activities** segment recorded a **year-on-year growth of 11.2 per cent** in the first quarter of 2026, supported by rising demand for healthcare and education services, alongside higher consumer spending on recreational activities and personal care. This growth was driven by the strong expansion of the Personal & Other Services Activities subsector, which grew by 14.1 per cent, in line with increasing demand for personal care and lifestyle-related services, reflecting a broader shift in consumer preferences towards enhanced quality of life and wellbeing.

The Private Education subsector expanded by 10.1 per cent in the first quarter of 2026, supported by higher enrolment in private higher education institutions and continued demand for skill-based learning programmes. The subsector also benefited from recent government initiatives, particularly the one-year exemption of education levies effective January 2026, covering institutions from preschool to higher education and training centres, which helped improve accessibility and support the growth of private education services.

Meanwhile, the Private Health subsector registered a strong growth of 13.5 per cent in the first quarter of 2026, reflecting sustained demand for quality healthcare services, specialised treatments and wellness-related activities. The Arts, Entertainment & Recreation subsector also expanded by 7.8 per cent, supported by stable consumer spending on leisure, lifestyle and recreational activities amid improving household

income and stronger domestic mobility. Growing awareness of healthy living and wellness trends continued to encourage participation in fitness and sports-related activities such as pickleball, running, golf and gym memberships, further contributing to the subsector's positive performance during the quarter.

On a **quarter-on-quarter** basis, the Services sector maintained its momentum, with **revenue increasing by 0.6 per cent** compared to the fourth quarter of 2025. This growth was driven by the Wholesale & Retail Trade, Food & Beverage and Accommodation segment (0.4%), followed by the Information & Communication and Transportation & Storage segment (1.6%), the Professional Services, Real Estate and Administrative & Support Services segment (1.5%), and the Private Health, Private Education, Arts, Entertainment & Recreation and Personal & Other Services Activities segment (0.1%).

Chief Statistician Malaysia also reported that **e-Commerce income** in the first quarter of 2026 amounted to **RM319.7 billion**, recording a **year-on-year growth of 2.8 per cent**. On a quarter-on-quarter basis, e-Commerce income increased by **1.1 per cent**.

Commenting on labour market developments, the Chief Statistician noted that total employment in the Services sector **rose to 4.6 million persons**, reflecting a **year-on-year growth of 2.7 per cent**. This expansion was primarily driven by the Transportation & Storage subsector, which grew by 4.4 per cent, followed by the Personal & Other Services Activities subsector, which recorded a growth of 4.0 per cent. On a **quarter-on-quarter** basis, employment increased by **0.4 per cent**, equivalent to an additional **19.9 thousand persons**.

In line with employment growth, total salaries and wages in the Services sector also increased. In the first quarter of 2026, salaries and wages **rose by 5.0 per cent year-on-year to RM35.3 billion**, supported mainly by the Food & Beverage and Real Estate subsectors, which registered growth of 10.0 per cent and 9.4 per cent respectively. On a **quarter-on-quarter** basis, total salaries and wages increased by **0.9 per cent**.

Overall, in the First Quarter of 2026, the Services sector **continued to maintain positive growth momentum**, supported by strengthening domestic economic activity, improving household income, increased consumer mobility and continued expansion in the tourism, logistics, and consumer-related services. This growth was further reinforced by rising e-commerce activity, digital services and stable household spending, reflecting the sector's resilience in navigating a dynamic economic environment.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation's economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Chart 1: Performance of Services Sector, Q1 2020 to Q1 2026




Chart 2: Performance of Wholesale & Retail Trade, Food & Beverages, and Accommodation Segment, Q1 2020 to Q1 2026




Chart 3: Performance of Information & Communication and Transportation & Storage Segment, Q1 2020 to Q1 2026




Chart 4: Performance of Private Health, Private Education, Arts, Entertainment & Recreation and Personal Services and Other Activities Segment, Q1 2020 to Q1 2026




Chart 5: Performance of Professional, Real Estate and Administrative & Support Service Segment, Q1 2020 to Q1 2026





Chart 6: e-Commerce Income, Q1 2023 to Q1 2026



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
11 MAY 2026**